

## Destinasi Impian



### Sinopsis

Johari bersama-sama sepupunya, Firdaus dan Azlina menyahut a) \_\_\_\_\_ datuk mereka untuk (b) \_\_\_\_\_ sejauh lebih 50 kilometer menuju ke (c) \_\_\_\_\_. Dalam perjalanan, mereka menghadapi pelbagai cabaran termasuk kerenah Firdaus yang selalu merungut keletihan dan menyesal kerana menyertai aktiviti tersebut. (d) \_\_\_\_\_ sering kali menyindir abangnya, Firdaus kerana dia merasakan abangnya terlalu (e) \_\_\_\_\_ dan tidak bersikap seperti lelaki sejati. Dalam perjalanan tersebut, berlaku beberapa pertengkaran kecil dan perselisihan faham antara mereka terutama Azlina dengan Firdaus. Namun begitu, mereka berjaya tiba di Pantai Morib setelah waktu hampir (f) \_\_\_\_\_. Firdaus disambut dengan meriah oleh (g) \_\_\_\_\_ sekelasnya yang selalu memperkecil kebolehan dirinya di sekolah akibat perwatakannya yang lemah lembut. Firdaus berasa bangga apabila dipuji dan hal tersebut telah berjaya membuktikan kemampuannya terutama apabila berhadapan dengan gadis yang diminatinya dalam diam iaitu (h) \_\_\_\_\_. Oleh sebab riak, Firdaus mengatakan bahawa perjalanan mereka mengambil masa yang lama disebabkan oleh adiknya yang sering berhenti rehat kerana merungut keletihan. Dua orang rakannya, iaitu (i) \_\_\_\_\_ tidak mempercayai perkara yang dikatakan oleh Firdaus dan mereka ingin menyiasat hal tersebut daripada Azlina. Sementara itu, Johari dan Azlina pula disambut dengan rakan kolej Johari dan mereka menginap di (j) \_\_\_\_\_ yang berlainan dan agak jauh dari khemah Firdaus. Pada malam itu, Firdaus (k) \_\_\_\_\_ dirinya lemas di dalam laut setelah dihumban ke dalamnya oleh Sazali dan Moxsin kerana berbohong. Mimpi tersebut menyedarkan Firdaus akan kesalahannya dan dia mula berasa takut. Keesokan harinya, Johari dan Azlina pulang terlebih dahulu dan meninggalkan Firdaus bersama-sama rakannya setelah dia enggan mengikut mereka untuk pulang bersama-sama. Ketika (l) \_\_\_\_\_ di pantai, Mazlinda lemas dan Firdaus segera membantunya. Walau bagaimanapun, Firdaus lemas dan pengsan kerana tidak pandai (m) \_\_\_\_\_. Sebenarnya, Mazlinda hanya berpura-pura tidak pandai berenang dan ingin (n) \_\_\_\_\_ Firdaus. Firdaus (o) \_\_\_\_\_ akan kesilapannya yang angkuh dan dia menerima teguran daripada Johari secara positif. Rakan-rakannya datang melawat Firdaus di (p) \_\_\_\_\_

hospital

Azlina

Mazlinda

Pantai Morib

berbasikal

bermimpi

khemah

petang

lemah

mandi-manda

insaf

menguji

rakan-rakan

cabaran

berenang

Sazali dan Moxsin